

# E-BOOK OF EXTENDED ABSTRACT

## THE 14<sup>TH</sup> INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & DESIGN COMPETITION 2025



14<sup>TH</sup> **INDES** 2025

ENVIRONMENTAL • SOCIAL • GOVERNANCE



# **E-BOOK OF EXTENDED ABSTRACT**

THE 14th INTERNATIONAL  
INVENTION, INNOVATION &  
DESIGN COMPETITION 2025

**Organized by:**

Office of Research, Industry,  
Community & Alumni Network  
UiTM Perak Branch

**© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2025**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No e- ISBN: 978-967-2776-52-9

Cover Design: Dr. Mohd Khairulnizam Ramlie

Typesetting : Georgia

# **EDITORIAL BOARD**

## **Editor-in-Chief**

MUHD SYAHIR ABDUL RANI

## **Managing Editors**

NUR FATIMA WAHIDA MOHD NASIR

SYAZA KAMARUDIN

NORASYIKIN ABDUL MALIK

## **Copy Editors**

SHEEMA LIZA IDRIS

AZURAWATI ZAIDI

HALIMATUN SAADIAH ABD MUTALIB

HALIMATUSSAADIAH IKSAN

IZA FARADIBA MOHD PATEL

MOHAMAD SAFWAT ASHAHRI MOHD SALIM

MUHAMMAD WAJIHUDDIN JOHARI

NAZIRUL MUBIN MOHD NOOR

NORAZIAH AZIZAN

NOOR AILEEN IBRAHIM

NOOR FAZZRIENEE JZ NUN RAMLAN

NOORLINDA ALANG

NURAMIRA ANUAR

NURDIYANA MOHAMAD YUSOF

NURSHAHIRAH AZMAN

NURUL FARHANI CHE GHANI

NURUL MUNIRAH AZAMRI

ONG ELLY

PAUL GNANASELVAM

SITI SYAIRAH FAKHRUDDIN

WAN FARIDATUL AKMA WAN MOHD RASHDI

WAN NURUL FATIHAH WAN ISMAIL

ZARLINA MOHD ZAMARI

AMIRUL FARHAN AHMAD TARMIZI

IMRAN TORIQ

## TEMPLAT MASALAH KAJIAN DALAM PENYELIDIKAN PASCA SISWAZAH PENGAJIAN ISLAM

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>1\*</sup>, Paiz Hassan<sup>1</sup>, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin<sup>1</sup>, Muhd Imran Abd. Razak<sup>1</sup>, Khadijah Abdullah<sup>2</sup> & Ideris Isahak<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia

<sup>2</sup>Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia

<sup>3</sup>Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia; Islamic Affairs Officer, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)

yusri613@uitm.edu.my

### ABSTRAK

Inovasi ini memperkenalkan penggunaan *Templat Masalah Kajian* sebagai alat pedagogi berstruktur dalam memperkasa keupayaan pelajar pascasiswazah mengenal pasti, menyusun dan membangunkan masalah kajian secara sistematik dalam bidang Pengajian Islam. Inisiatif ini dirangka bagi menangani cabaran pelajar dalam membina fokus penyelidikan yang sahih, relevan dan berpaksikan syarak. Berdasarkan penerapan templat dalam tiga kajian kes iaitu Qiraat, budaya berpantang wanita Melayu, dan dakwah kepada komuniti nelayan pantai, templat ini membantu pelajar menyepadukan elemen literatur, konteks lapangan dan justifikasi hukum secara sistematik. Dapatan menunjukkan bahawa inovasi ini bukan sahaja berfungsi sebagai panduan teknikal, tetapi juga sebagai pemangkin kepada pemerikasaan epistemologi pelajar dalam menghasilkan penyelidikan yang lebih mantap. Inovasi ini turut memberi nilai tambah kepada amalan pengajaran penyelidikan di institusi Islam melalui pendekatan yang lebih terancang, reflektif dan mudah diadaptasi dalam pelbagai bidang tumpuan. Justeru, templat ini berpotensi untuk diperluas penggunaannya sebagai model latihan penyelidikan berimpak tinggi dalam konteks pendidikan tinggi Islam kontemporari.

**Kata kunci:** Inovasi pedagogi, templat masalah kajian, latihan penyelidikan, pascasiswazah, Pengajian Islam

### 1. PENDAHULUAN

Penyelidikan pascasiswazah dalam bidang Pengajian Islam menuntut keupayaan merumus masalah kajian secara tepat, bersumber dan berpaksikan realiti lapangan. Namun, pelbagai kajian menunjukkan pelajar sering menghadapi kekeliruan dalam membezakan komponen asas masalah kajian serta kelemahan dalam menilai literatur dan konteks semasa. Inovasi ini memperkenalkan *Templat Masalah Kajian* sebagai alat pedagogi sistematik yang memandu pelajar melalui fasa penting penyelidikan, termasuk sorotan awal literatur, konteks lokasi, dan justifikasi isu kajian. Berdasarkan aplikasi dalam tiga kajian kes iaitu pengajian Qiraat, budaya berpantang wanita Melayu, dan dakwah komuniti nelayan pantai, terbukti membantu pelajar membentuk struktur pemikiran ilmiah yang lebih tersusun. Inisiatif ini diselaraskan dengan pendekatan pembelajaran berstruktur dan teori konstruktivisme, sekali gus memperkasa amalan penyelidikan pascasiswazah yang reflektif, relevan dan berimpak tinggi dalam konteks Pengajian Islam kontemporari.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan dokumen untuk menilai keberkesanan penggunaan *Templat Masalah Kajian* sebagai alat pedagogi dalam kalangan pelajar pascasiswazah Pengajian Islam. Reka bentuk kajian kes intrinsik dipilih bagi membolehkan penyelidik menyelami secara mendalam fenomena penyusunan masalah kajian dalam konteks sebenar amalan penyelidikan di peringkat pascasiswazah. Tiga dokumen templat yang dianalisis mewakili domain yang berbeza iaitu pengajian Qiraat, budaya berpantang wanita Melayu, dan pendekatan dakwah kepada komuniti nelayan pantai yang dipilih secara pensampelan bertujuan berdasarkan keterwakilan bidang, kekayaan kandungan dan nilai kontekstual. Data dikumpul melalui dokumen bimbingan sebenar yang telah disahkan oleh penyelia akademik dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak. Analisis kandungan dijalankan secara tematik mengikut lima fasa berasaskan kerangka Creswell (2013): pemilihan kes, pembacaan dan pengekodan terbuka terhadap unit makna yang berkaitan, pembentukan tema utama, semakan kesahihan melalui triangulasi dengan penyelia asal dan interpretasi akhir secara deskriptif. Langkah pengesahan turut diperkukuh dengan rekod jejak (*audit trail*) bagi memastikan ketelusan analisis dan kebolehulangan kajian. Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat mengenal pasti impak templat dalam membentuk kerangka pemikiran ilmiah, menyusun hujah penyelidikan secara sistematik dan memperkukuh penguasaan epistemologi pelajar terhadap kaedah pembinaan masalah kajian yang sah dan relevan.

## 3. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan *Templat Masalah Kajian* berfungsi sebagai instrumen pedagogi yang berkesan dalam membantu pelajar pascasiswazah Pengajian Islam membina masalah penyelidikan secara sistematik, berstruktur dan berpaksikan konteks. Analisis terhadap tiga kajian kes iaitu berkenaan budaya berpantang wanita Melayu, dakwah komuniti nelayan pantai, dan pengajian Qiraat dalam kalangan pelajar tahfiz menunjukkan bahawa templat ini berperanan membimbing pelajar menyusun isu kajian kepada tema-tema utama yang berkaitan langsung dengan realiti lapangan serta berpandukan literatur dan data semasa. Dapatan turut menunjukkan bahawa templat ini membantu pelajar membezakan antara latar belakang dan pernyataan masalah, memperjelas justifikasi kajian serta mengukuhkan asas hujahan berlandaskan prinsip syariah. Keupayaan ini bukan sahaja membina struktur pemikiran ilmiah yang kukuh, tetapi juga meningkatkan tahap kesedaran epistemologi dalam mengenal pasti sumber sah serta menolak kepercayaan yang bercanggah dengan prinsip Islam.

Selain itu, penggunaan templat membolehkan pelajar menilai isu secara lebih reflektif dan sintetik, bukan sekadar deskriptif semata-mata. Sebagai contoh, pelajar dapat mengenal pasti faktor sistemik yang mempengaruhi isu, seperti kekurangan pendakwah atau pengaruh adat tempatan, dan mengaitkannya dengan keperluan intervensi berbentuk fiqh atau dasar dakwah yang sesuai. Templat ini juga memperkukuh prinsip andragogi dengan mendorong pelajar terlibat secara aktif dalam proses penyusunan dan pemilihan isu berdasarkan pengalaman lapangan dan pembacaan ilmiah. Pendekatan ini selaras dengan teori pembelajaran orang dewasa yang menekankan penglibatan sendiri dan keupayaan membina pengetahuan melalui refleksi kritis. Secara keseluruhan, dapatan membuktikan bahawa penggunaan templat ini mampu meningkatkan mutu latihan penyelidikan pascasiswazah dalam Pengajian Islam dengan menyediakan struktur yang mantap, bersifat kontekstual dan berpandukan nilai-nilai ilmiah serta kerangka syariah. Inovasi ini sekali gus menyumbang kepada

penghasilan tesis dan artikel penyelidikan yang lebih relevan, berimpak dan menyumbang secara langsung kepada penyelesaian isu dalam masyarakat.

Jadual 1: Templat Masalah Kajian Untuk Pelajar Ijazah Sarjana & Doktor Falsafah Pengajian Islam bagi Tajuk “Pembudayaan Asas Qiraat Dalam Kalangan Pelajar Wanita Di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR), Negeri Perak)

| NAMA PENGARANG, TAHUN       | RUJUKAN   | MASALAH   |
|-----------------------------|---|---|
| Zaid, Redha & Firdaus, 2020 | Muhammad Zaid Shamshul Kamar, Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2020). Sejarah pembelajaran ilmu qiraat di Darul Quran: Satu pemerhatian. <i>Jurnal Qiraat</i> , 1(3), 26-38. | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak minat.</li> </ul> <p>“Kekurangan minat pada diri pelajar adalah perkara yang sering berlaku. Perkara ini terjadi kerana kewujudan pemikiran bahawa ilmu Qiraat tidak berkait dengan kehidupan seharian seperti ilmu Fiqh dan Tauhid.”</p>  |
| Zainora & Lukman, 2019      | Zainora Daud & Muhammad Lukman Ibrahim. (2019). Kajian persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran USIM. <i>Journal Of Quran Sunnah Education And Special Needs</i> , 3, 46-53.         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber rujukan kurang dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu penambahbaikan.</li> </ul> <p>“Kekurangan bahan-bahan rujukan menjadi salah satu punca para pelajar tidak mampu menguasai Qiraat (Ab Rahman Abd Gahni, 2012).”<br/> “Menurut Irfan Aiman sesuatu strategi pengajaran menggabungkan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran untuk mencapai kesan pengajaran yang optimum sekali. Strategi yang baik akan menggunakan masa, tenaga serta kos yang paling sedikit tetapi menghasilkan kesan pengajaran pembelajaran yang paling maksimum (<a href="https://www.academia.edu">https://www.academia.edu</a>).”</p> |

#### 4. KESIMPULAN

Inovasi *Templat Masalah Kajian* terbukti berkesan sebagai alat pedagogi dalam memperkukuh kemahiran penyelidikan pelajar pascasiswazah Pengajian Islam secara sistematik, kontekstual dan berpandukan prinsip epistemologi Islam. Templat ini menyediakan struktur yang jelas dalam membantu pelajar mengenal pasti, menghuraikan dan membangunkan isu kajian secara terarah, sekaligus menghasilkan penulisan masalah kajian yang mantap, sahih dan relevan. Ia turut menggalakkan pembelajaran sendiri serta refleksi kritikal, selaras dengan pendekatan andragogi dalam pendidikan dewasa. Inovasi ini berpotensi untuk diperluaskan sebagai model latihan penyelidikan berstruktur dalam program pascasiswazah Pengajian Islam di peringkat institusi pengajian tinggi.

#### RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. N. (2023). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: UTM Press.
- Biggs, J., & Tang, C. (2011). *Teaching for Quality Learning at University* (4th ed.). McGraw-Hill Education.
- Brookfield, S. D. (2017). *Becoming a critically reflective teacher* (2nd ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Iman, A.H.M. (2016). *Kaedah penyelidikan & penulisan laporan projek tahun akhir*. Jeli : Universiti Malaysia Kelantan.

- Ismail, A., Ismail, F.L.M., Mohamad, A.S., Nizah, M.A.M., Latiff, L.A., Sulaiman, M., Yacob, S.N.M. & Kandil, H.M.T.E. (2020). Pembentukan pemikiran kreatif dan kritis: Hubungannya dalam menyelesaikan masalah. *Sains Insani*. 5 (1), 43-47.
- Ismail, A.M. & Muhamad, N. (2020). Cabaran Pembelajaran Pelajar Lulusan Ijazah Pengajian Islam di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 1-12.
- Jasmi, K. A. (2021). Ruang Kajian dalam Pengajian Islam. Siri 2. Bengkel Reka Bentuk Penyelidikan Kualitatif dan Analisis Data. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/354797710>
- Knowles, M. S., Holton, E. F., & Swanson, R. A. (2015). *The adult learner: The definitive classic in adult education and human resource development* (8th ed.). Oxon: Routledge.
- Rahim, R.A.A, Ismail, P., Mohamad, S., Dahlal, N.H.M., Nordin, B. (2008). Paradigma Pemikiran Pengajian Islam Semasa: Analisis Pedagogi. *REKAYASA – Journal of Ethics, Legal and Governance*, 4, 13–34. Retrieved from <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jgd/article/download/14024/3184>
- Salmy, D. (2020). Penulisan Proposal Penyelidikan. AnyFlip. Retrieved from <https://anyflip.com/sakua/wpxd/basic>
- Stake, R. E. (1995). *The art of case study research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Universiti Malaysia Kelantan. (2022). *Garis Panduan Penyediaan Laporan Penyelidikan Pengajian Siswazah* (Edisi ke-3 2022). Retrieved from <https://cps.umk.edu.my/download/download/Thesis%20Guideline%203rd%20Edition%20UMK%202022.pdf>

E-Book of Extended Abstract THE 14th INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION &  
DESIGN COMPETITION 2025

e ISBN 978-967-2776-52-9



Unit Penerbitan UiTM Perak

(online)